

CNS1150

U GB 31-08 00166 BH942

bah

Mahathir-universiti

PM CADANG KEMAHIRAN MALAYSIA DALAM PENDIDIKAN TINGGI DIEKSPORT

KOTA SAMARAHAN, 31 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan supaya kepakaran dan kemahiran pendidikan tinggi di negara ini dijadikan satu komoditi untuk dieksporth kepada komuniti antarabangsa.

Perdana Menteri berkata tidak ada sebab sistem pendidikan tinggi Malaysia tidak boleh dijadikan satu industri seperti yang dilakukan negara-negara asing yang berlumba-lumba mengadakan program pendidikan kembar dan sebagainya dengan negara ini.

Ketika berucap merasmikan perletakan batu asas Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini, beliau berkata langkah oleh negara-negara berkenaan sebenarnya mengeksport kepakaran mereka ke negara ini.

"Kita tidak boleh berdiam diri menerimanya sahaja. Kita perlu berikhtiar untuk memasarkan kepakaran dan kemahiran pendidikan kepada komuniti antarabangsa," katanya.

Oleh itu, katanya, universiti tempatan hendaklah bergerak ke arah menetapkan kualiti tinggi dalam segala aspek kegiatannya supaya universiti negara ini dapat menjadi contoh di rantau ini, sekaligus kemahiran negara dalam bidang pendidikan tinggi dapat dieksporth. -- lagi

▼31/08/15-57MS*

U GB 31-08 00116 BH943

bah

Mahathir-universiti 2 Kota Samarahan

Dr Mahathir berkata, sungguhpun sistem universiti di negara ini masih baru jika dibandingkan dengan sistem universiti di negara maju, pihak berkenaan di negara ini harus bertekad meningkatkan mutu piawaian pendidikan universiti.

Untuk mencapai objektif-objektif pembangunan negara amnya dan matlamat universiti khususnya, beliau berkata universiti haruslah bekerjasama dengan kerajaan.

Beliau berkata kerajaan sedia menerima sebarang idea dan hasil penyelidikan yang dapat membawa keuntungan kepada negara dan rakyat.

"Yang penting ialah ahli-ahli akademik perlu peka kepada isu-isu pembangunan, isu-isu yang relevan dengan keadaan sosial, ekonomi dan politik negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, universiti mesti mempunyai hubungan erat dengan masyarakat dan industri. -- lagi

▼31/08/16-01MS*

CNS1154

U GB 31-08 00124 BH944

bah

Mahathir-universiti 3 Kota Samarahan

Oleh kerana universiti harus terlibat dalam proses pembangunan, ia perlu mendekati industri, katanya.

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata, anggota akademik harus menukar sikap bagi memupuk hubungan antara universiti dan industri.

Ini bermakna universiti tidak seharusnya menanti supaya industri datang kepadanya, sebaliknya, universiti perlu lebih agresif dengan memasarkan perkhidmatannya kepada industri melalui perancangan dan pemasaran strategik, termasuk kepada masyarakat dan kerajaan, katanya.

"Jelas sekali, usahasama yang ikhlas antara universiti, kerajaan, industri dan masyarakat bukan lagi merupakan satu pilihan tetapi satu pra-syarat yang penting," katanya.

Beliau berkata kerajaan sanggup memberikan pertimbangan bagi melegakan kedudukan universiti daripada segi pengawalan untuk memberi fleksibiliti kepadanya menjalankan urusan pengurusan dengan lebih cekap. -- lagi

▼31/08/16-06MSH

CNS1159

U GB 31-08 00162 BH945

bah

Mahathir-universiti 4 (Akhir) Kota Samarahan

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak ingin mengenakan sekatan terhadap sebarang kegiatan ilmiah yang berupaya meraih manfaat kepada negara.

Bagaimanapun, katanya, universiti juga harus meneliti corak pentadbirannya, kaedah membuat keputusan dalaman dan isu-isu lain yang boleh meningkatkan peranannya dalam masyarakat.

Dr Mahathir berkata universiti tempatan harus meninjau kembali sistem yang diaduti daripada sistem universiti di zaman penjajah supaya pengurusan universiti lebih terkini sifatnya bagi membolehkannya bergerak dengan ciri-ciri yang dihasratkan iaitu bermutu, agresif, pro-aktif dan inovatif.

Beliau berkata universiti harus mencari jalan supaya lebih bertanggungjawab dan dapat dipertanggungjawabkan kerana budaya seperti itulah yang perlu disemai dan dipupuk di kalangan masyarakat pelajar.

Mengenai penyelidikan, beliau berkata ia mestilah seiring dengan keutamaan negara yang berorientasikan misi dan hasil.

Katanya, walaupun hasil penyelidikan perlu ditumpukan kepada proses pembangunan negara sebagai memenuhi keperluan industri dan masyarakat nasional, ia tidak bermakna penyelidikan itu tidak bertaraf antarabangsa.

-- Bernama

AHM AKI